


PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan	Butiran	Markah										
1 (a)	H1 Kepuasan yang mungkin H2 daripada barangan kedua terbaik H3 yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan barangan yang dipilih H4 yang memberikan tingkat kepuasan yang maksimum	1 1 1 1 [Mak. 2m]										
	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas											
1 (b)	Apa yang hendak dikeluarkan H1 Melalui kuasa permintaan pengguna H2 dan kuasa penawaran firma di pasaran H3 Pengguna mempunyai kebebasan memilih dan membeli barangan yang diingini / mencapai kepuasan maksimum H4 Pengeluar / Firma mengeluarkan barang yang mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran / keuntungan yang maksimum Bagaimana hendak dikeluarkan H1 Pemilihan cara pengeluaran yang paling cekap H2 Pemilihan cara pengeluaran yang meminimumkan kos H3 Pengeluar / Firma memilih samada cara pengeluaran berintensifkan modal atau berintensifkan buruh H4 Kombinasi faktor pengeluaran paling cekap / kos pengeluaran yang minimum akan dipilih oleh pengeluar	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 6m]										
1 (c)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Titik a ke Titik b</th> <th>Titik a ke Titik c</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>H1 Perubahan dalam kuantiti ditawarkan [1m]</td> <td>H1 Perubahan penawaran [1m]</td> </tr> <tr> <td>H2 Disebabkan oleh perubahan harga barang itu [1m]</td> <td>H2 Disebabkan oleh perubahan bukan harga barang itu [1m]</td> </tr> <tr> <td>H3 Pergerakan titik dikenal sebagai pengembangan penawaran [1m]</td> <td>H3 Peralihan keluk dikenal sebagai pertambahan penawaran [1m]</td> </tr> <tr> <td>H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan harga barang itu [1m]</td> <td>H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan tingkat teknologi [1m]</td> </tr> </tbody> </table>	Titik a ke Titik b	Titik a ke Titik c	H1 Perubahan dalam kuantiti ditawarkan [1m]	H1 Perubahan penawaran [1m]	H2 Disebabkan oleh perubahan harga barang itu [1m]	H2 Disebabkan oleh perubahan bukan harga barang itu [1m]	H3 Pergerakan titik dikenal sebagai pengembangan penawaran [1m]	H3 Peralihan keluk dikenal sebagai pertambahan penawaran [1m]	H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan harga barang itu [1m]	H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan tingkat teknologi [1m]	1 + 1 1 + 1 1 + 1 1 + 1 [Mak. 6m]
Titik a ke Titik b	Titik a ke Titik c											
H1 Perubahan dalam kuantiti ditawarkan [1m]	H1 Perubahan penawaran [1m]											
H2 Disebabkan oleh perubahan harga barang itu [1m]	H2 Disebabkan oleh perubahan bukan harga barang itu [1m]											
H3 Pergerakan titik dikenal sebagai pengembangan penawaran [1m]	H3 Peralihan keluk dikenal sebagai pertambahan penawaran [1m]											
H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan harga barang itu [1m]	H4 Kuantiti ditawarkan meningkat dari Q0 ke Q1 akibat peningkatan tingkat teknologi [1m]											

	Barang X	Barang Y	
1 (d)	H1 Tak anjal [1m]	H1 Anjal [1m]	1 + 1
	H2 Pekali keanjalan kurang daripada 1 [1m]	H2 Pekali keanjalan lebih daripada 1 [1m]	1 + 1
	H3 Menunjukkan peratus perubahan kuantiti ditawarkan lebih kecil daripada peratus perubahan harga [1m]	H3 Menunjukkan peratus perubahan kuantiti ditawarkan lebih besar daripada peratus perubahan harga [1m]	1 + 1
	H4 Contoh barang ialah barang pertanian [1m]	H4 Contoh barang ialah barang perkilangan [1m]	1 + 1
			[Mak. 5m]
2a	<p>F1 Menerima deposit H1a Bank perdagangan menerima deposit daripada pelbagai lapisan masyarakat. H1b Menawarkan tiga jenis akaun iaitu akaun simpanan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa</p> <p>F2 Memberi pinjaman H2a Overdraf/ pinjaman peribadi/ pinjaman kenderaan/ kad kredit / mendiskaunkan bil pertukaran.</p> <p>F3 Menerima dan membuat bayaran H3 Bank perdagangan membantu pelanggan membuat dan menerima bayaran melalui system cek dan arahan kepada bank.</p> <p>F4 Perkhidmatan lain H4 Bank perdagangan menyediakan perkhidmatan lain seperti perbankan internet dan perkhidmatan lain.</p> <p>Nota: 3F + 3H</p>		<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 Max 6m</p>
2 (b)i	<p>F1 Gambar 1 sektor utama / premier F2 Gambar 2 sektor kedua / sekunder</p>		<p>1 1</p>
2(b) (ii)	<p>F1 Upah H1 Upah yang dibayar mengikut jam atau bilangan hari bekerja sangat lumayan.</p> <p>F2 Lokasi tempat kerja H2 Lokasi tempat kerja dekat dengan tempat tinggal mereka kerana dapat menjimatkan masa dan kos pengangkutan.</p> <p>F3 Suasana tempat kerja H3 Bekerja dengan rakan sekerja yang mesra serta diberi waktu rehat yang kerap.</p> <p>F4 Faedah sampingan</p>		<p>1 1 1 1 1 1 1</p>

	H4 Insentif yang diberi oleh majikan seperti cuti, kemudahan tempat tinggal, skim insurans kesihatan dan kemalangan. Nota: 3F + 3H	1 Max 6m
2 (c) i	H1 Deposit RM150 000 x 10% H2 RM 15 000) Jumlah kadar faedah bulanan ialah H2 RM 135000 X 3.3% H3 RM 4455.00 setahun Jumlah bayaran ansuran bulanan H4 RM 13500 + RM 4455 / 108 bulan H5 RM1621.25	1 1 1 1 1 1 Max 3m
2 (c) (ii)	F1 Kaedah pembayaran secara kredit. H1 dapat menggunakan barang walaupun harga penuh belum dijelaskan H2 membayar ansuran setiap bulan dengan jumlah yang lebih kecil berbanding dengan harga penuh H3 merancang perbelanjaan kerana terpaksa membayar ansuran setiap bulan H4 Taraf hidup meningkat H5 boleh menjana pendapatan lain dengan menggunakan kereta yang dibeli H6 seperti membuat perkhidmatan GRAB Nota: 1F + 2H	1 1 1 1 1 1 1 Max 3m
3(a)	H1 Melalui undang-undang dan peraturan H2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 H3 Pengenaan kompaun/penjara H4 Mengehadkan pemberian lesen/Menarik balik lesen H5 Menentukan kawasan perindustrian/perumahan/industri berat/industri ringan H6 Memberi subsidi untuk kaedah pengeluaran mesra alam H7 Pengenaan cukai atas pengeluaran barang yang mencemarkan alam sekitar H8 Melakukan pemantauan dari masa ke masa	1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 4]
3(b)	F1 Pendekatan perbelanjaan H1a diperoleh dengan menjumlahkan semua perbelanjaan atas barang akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam ekonomi bagi tempoh satu tahun. H1b Perbelanjaan termasuk perbelanjaan isi rumah/firma/kerajaan/eksport bersih. F2 Pendekatan Keluaran H2a Diperoleh dengan menjumlahkan nilai ditambah yang dihasilkan oleh pelbagai sektor ekonomi di negara bagi tempoh satu tahun. H2b Nilai ditambah ialah peningkatan nilai barang setelah melalui setiap peringkat proses pengeluaran.	1 1 1 1 1 1 [Max 4]

3(c) i.	H1 Proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan H2 pelbagai negara	1 1
3(c) ii.	H1 Sistem komunikasi dan perolehan maklumat melalui penggunaan alatan teknologi secara interaktif H2 Kawalan perniagaan lebih mudah H3 Memudahkan proses komunikasi dengan adanya mel elektronik (e-mel) / sidang video H4 Dapat menyelesaikan masalah dalam operasi perniagaan dengan mudah H5 Pemindahan maklumat dapat dibuat dengan mudah/pantas/murah. H6 Penggunaan internet menyebabkan aliran maklumat H7 Idea bergerak dengan pantas antara individu, organisasi dan negara. H8 Menggalakkan inovasi, produktiviti dan pertumbuhan ekonomi H9 Penggunaan internet yang berkembang luas untuk mengakses maklumat, membuat urus niaga kewangan / membeli barang atas talian telah menggalakkan perkembangan globalisasi	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 4]
3(d)	H1 barang dan perkhidmatan yang dijual oleh Malaysia kepada negara asing H2 dibahagikan kepada dua jenis iaitu eksport barang nampak dan eksport barang tak nampak H3 Eksport barang nampak merujuk kepada barang nyata yang dikeluarkan oleh Malaysia dan dijual ke luar negara H4 Komposisi eksport barang nampak terdiri daripada pertanian, perlombongan dan pembuatan H5 Eksport barang tak nampak bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh rakyat Malaysia kepada rakyat asing H6 Komposisi eksport barang tak nampak seperti perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pemangangkutan dan sebagainya.	1 1 1 1 1 1 [Max 6]
4 (a)	H1 Bantuan kewangan kepada aktiviti perniagaan dan urusniaga. H2 Bantuan kewangan kepada isi rumah (BPN). H3 Pemberian bantuan kewangan akan mengurangkan beban tanggungan rakyat. Contohnya, pemberian moratorium pinjaman. H4 Dengan ini, kuasa beli rakyat akan meningkat. H5 Meningkatkan kemampuan membeli pelbagai barangan oleh rakyat. H6 Isi rumah dapat menyelesaikan hutang. H7 Sebagai contoh, isi rumah yang mempunyai hutang kad kredit boleh melangsaikan hutang H8 Pemberian subsidi upah untuk mengelakkan rakyat hilang kerja / mengurangkan pengangguran.	1 1 1 1 1 1 1 Maks 4m

<p>(b)</p>	 <p>H1 Pemberian BPN meningkatkan kuasa beli rakyat.</p> <p>H2 Meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan.</p> <p>H3 Pada asalnya keluk D_0D_0 bersilang dengan S_0S_0 dan mewujudkan keseimbangan pasaran iaitu E_0.</p> <p>H4 Apabila kerajaan memberi bantuan kewangan kepada rakyat, maka keluk permintaan beralih dari kiri ke kanan iaitu D_1D_1</p> <p>H5 Wujud titik keseimbangan baharu iaitu pada E_1</p> <p>H6 Tingkat harga meningkat dari P_0 ke P_1</p> <p>H7 Kuantiti barangan meningkat dari Q_0 ke Q_1</p>	<p>Keluk 4m</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maks 7m</p>
<p>(c)</p>	<p>Tahap 1 [markah 1 – 3]</p> <p>Tahap 2 [markah 4 – 6]</p> <p>Tahap 3 [markah 7 – 9]</p> <p>Kesan positif :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lebih banyak isi rumah mampu membeli dan menikmati barang dan perkhidmatan apabila menerima BPN dan moratorium pinjaman. • Membantu isi rumah untuk meningkatkan pendapatan mereka yang terjejas akibat PKP dan wabak COVID-19. • Meningkatkan kuasa beli isi rumah. • Kebolehaksesan kepada internet dan maklumat dengan lebih murah dan cepat. • Perbelanjaan untuk perkhidmatan dalam talian lebih murah. • Boleh menggunakan lebih peruntukan untuk tujuan-tujuan lain. • Berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat. • Menurunkan/mengurangkan kos sara hidup. • Mengurangkan beban tanggungan rakyat. • Mengurangkan masalah kekeluargaan seperti pertelingkahan dan perceraian. • Kes jenayah dapat dibendung seperti kes ragut. • Mengurangkan kadar pengangguran dengan pemberian subsidi upah. 	

	<ul style="list-style-type: none"> • Pasaran perniagaan secara atas talian (online) lebih meluas. • Hasil jualan firma meningkat. • Untung firma meningkat. • Kuasa beli isi rumah meningkat maka aktiviti ekonomi domestik akan terus aktif. • Seterusnya, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. <p>Kesan negatif :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tingkat harga umum meningkat. • Berlaku inflasi. • Kes jenayah meningkat seperti kes rompak dan ragut. <p>Nota : Terima mana-mana huraian jawapan calon : Huraian mesti mendalam.</p> <p><i>*Panduan jawapan 2 sisi :</i></p> <p>Kesan positif :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dikaitkan dengan individu / isi rumah 2. Dikaitkan dengan negara atau 3. Dikaitkan dengan firma <p>Kesan negatif :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dikaitkan dengan individu / isi rumah 2. Dikaitkan dengan negara atau 3. Dikaitkan dengan firma 	
5a	<p>H1 Kos tetap adalah kos yang tidak berubah mengikut perubahan output.</p> <p>H2 Kos tetap digunakan untuk membiayai input tetap.</p> <p>H3 kos yang perlu ditanggung walaupun output sifar</p> <p>H4 contoh pembelian mesin proses jus minuman.</p> <p>H5 Kos berubah ialah kos mengikut perubahan output</p> <p>H6 Kos berubah digunakan untuk membiayai input berubah</p> <p>H7 Kos yang tidak dibayar jika tiada output</p> <p>H8 Contoh upah buruh di kilang.</p> <p>H9 pengeluaran jangka masa pendek</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maks 4m</p>
5b	<p>F1 Overdraf</p> <p>H1 Kemudahan yang disediakan kepada pemegang akaun semasa untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya berdasarkan had yang telah ditetapkan oleh bank.</p> <p>H2 Contoh dalam pembelian stok perniagaan.</p> <p>F2 Pinjaman Peribadi</p> <p>H1 Merupakan pinjaman jangka pendek untuk membiayai kos</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	<p>pembelian barang tahan lama seperti perabot dan komputer</p> <p>H2 Tidak memerlukan cagaran tetapi memerlukan seorang penjamin</p> <p>F3 Pinjaman Bercagar</p> <p>H1 Pinjaman untuk membeli aset tetap/hartanah seperti bangunan kedai dan tanah</p> <p>H2 Peminjam diminta mencagarkan hartanya kepada pihak bank untuk memperoleh pinjaman tersebut</p> <p>F4 mendiskaunkan bil pertukaran</p> <p>F5 pinjaman kenderaan / kemudahan sewa beli</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
		Maks 7m
5c	<p>Tahap 1 [markah 1 – 3] Tahap 2 [markah 4 – 6] Tahap 3 [markah 7 – 9]</p> <p>Contoh Jawapan Tahap 3</p> <p>a) Guna tenaga penuh dapat dicapai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kadar pengangguran rendah - Pengeluaran barang dan perkhidmatan bertambah - R&D akan meningkat - Tahap produktiviti meningkat <p>b) Kestabilan harga dapat dicapai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Firma dapat pinjaman banyak/ tingkat pengeluaran tinggi/ kos purata turun - Menawarkan barang dengan harga yang rendah - Permintaan dan penawaran seimbang - Lebihan pengeluaran boleh dieksport ke luar Negara. - Eksport Negara bertambah - Imbangan pembayaran lebihan. <p>c) Pertumbuhan ekonomi.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah pengeluaran meningkat. - Jumlah KDNK Negara bertambah. - Mewujudkan peluang pekerjaan. - Meningkatkan pendapatan isi rumah. - Meningkatkan permintaan barang dan perkhidmatan. - Taraf hidup masyarakat meningkat. <p>d) Kestabilan imbangan pembayaran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Aliran masuk duit melebihi aliran wang keluar. - Berlaku lebihan imbangan pembayaran. - Dapat menguntungkan Negara. 	7m – 9m

	<ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan nilai eksport barang dan perkhidmatan - Menggalakkan kemasukan pelaburan asing - Meningkatkan rizab pertukaran mata wang asing 	
6a	<p>F1 Pengangguran Kitaran</p> <p>H1 berlaku semasa ekonomi lembap</p> <p>H2 seperti semasa pandemik COVID-19</p> <p>H3 Berlaku pengurangan dalam pengeluaran</p> <p>H4 Penggunaan buruh dikurangkan</p> <p>H5 Buruh hilang kerja</p> <p>H6 disebabkan firma kurangkan pengeluaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[mak 4m]</p>
6b	<p>H1 Belanjawan defisit</p> <p>H2 Berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.</p> <p>H3 Dasar ini dilaksanakan ketika negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi / pengangguran.</p> <p>H4 Kerajaan akan bertindak meningkatkan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan</p> <p>H5 Tujuan kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan adalah untuk meningkatkan perluang pekerjaan</p> <p>H6 Pendapatan masyarakat meningkat</p> <p>H7 Mengurangkan kadar cukai</p> <p>H8 Tujuan kerajaan mengurangkan kadar cukai adalah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna masyarakat</p> <p>H9 Kuasa beli pengguna meningkat</p> <p>H10 Kesannya permintaan barang /perkhidmatan dalam pasaran akan meningkat</p> <p>H11 Keluaran negara dan pertumbuhan ekonomi meningkat dan masalah kemelesetan ekonomi dapat diatasi.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[mak 7m]</p>
6c	<p>Tahap 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan yang terhad tentang teori atau konsep ekonomi • Penjelasan umum dan terhad • Menyenaikan fakta sahaja / fakta tidak dijelaskan • Tiada Pendirian <p>Tahap 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapat menjelas / mengaplikasi teori dan konsep ekonomi dengan situasi yang diberi dengan betul • Huraian / keterangan yang relevan 	

- Boleh menghubungkan isu yang diberi tetapi kurang relevan
- Huraian rajah terhad

Tahap 3

- Kehendak soalan difahami sepenuhnya dengan menggunakan contoh / rajah yang betul berdasarkan situasi / tanpa situasi
- Konsep / teori / prinsip berkaitan ekonomi difahami secara mendalam, digunakan, dianalisis dan dinilai
- Huraian / keterangan / contoh / rajah / jadual yang diberi adalah betul dan tepat
- Boleh menghubungkan isu yang diberi dengan contoh yang betul / tepat
- Menyatakan pendirian dengan jelas
- Membuat rumusan / kesimpulan yang relevan

Contoh:

- Setuju
- Pengangguran menyebabkan pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi
- Hasil kerajaan berkurang kerana penganggur tidak mempunyai pendapatan untuk membayar cukai
- Pengurangan hasil kerajaan menyebabkan kerajaan kekurangan sumber dalam melakukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan
- Cukai pendapatan individu merupakan salah satu komponen cukai langsung yang merupakan penyumbang terbesar daripada tiga sumber hasil kerajaan selain cukai tak langsung dan hasil bukan cukai
- Cukai pendapatan individu pula merupakan antara penyumbang terbesar kepada hasil cukai negara selain daripada cukai pendapatan syarikat yang merupakan penyumbang terbesar kepada sumber hasil cukai langsung
- Semakin ramai tenaga buruh sepatutnya semakin ramai guna tenaga dan semakin besarlah sumbangan cukai pendapatan individu kepada pendapatan negara.
- Apabila penambahan tenaga buruh tidak diiringi dengan pertambahan guna tenaga menyebabkan ramai tenaga buruh tidak digunakan
- Situasi ini menunjukkan berlakunya pembaziran sumber ekonomi dan amat merugikan Negara

Atau

	<p>H6 Perkongsian sumber tenaga dan bahan mentah H6a Negara anggota yang kekurangan sumber /bahan mentah H6b Berkongsi sumber dengan negara lain/ saling bergantung antara negara anggota.</p> <p>H7 Peningkatan pelaburan langsung asing H7a membawa masuk pelaburan asing / teknologi baru. H7b mempelajari/ menguasai teknologi terkini/ moden</p> <p>H8 Penjagaan alam sekitar H8a Mewujudkan penjagaan alam sekitar secara bersama dalam kalangan negara anggota. H8b Membuat pengesanan,rondaan/ kawal selia,pengawasan / pemuliharaan apabila berlaku masalah pengurusan dan penjagaan alam sekitar.</p> <p style="text-align: center;">Nota; Mana-mana 7H</p>	<p>1 1 1</p> <p>1 1 1</p> <p>1 1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;">(max 7m)</p>
7c	<p>Tahap 1(1-3M) -Pengetahuan terhad -Fakta tidak dijelaskan -Jawapan secara umum</p> <p>Tahap 2(4-6 M) - Berupaya mengaplikasi fakta,teori dan prinsip ekonomi dengan jelas berkaitan tugas - Maklumat dijelaskan dengan teratur - Idea disampaikan logik dan berkaitan</p> <p>Tahap 3(7-9 M) - Mengemukakan fakta dan huraian lengkap dan mendalam - Keterangan tepat,jelas dan matang - Idea yang kreatif dan rasional - Dapat mengemukakan contoh contoh yang relevan dan tepat - Dan mengemukakan pro dan kontra berkaitan kesan pelaburan langsung asing.</p> <p>Contoh :</p> <p>Taraf hidup mengukur kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhan dan mengandungi aspek kuantitatif dan kualitatif. Aspek kuantitatif ditunjukkan oleh kuasa beli iaitu jumlah barang dan perkhidmatan yang dinikmati oleh masyarakat. Manakala aspek kualitatif merujuk kepada kesihatan, alam sekitar , kadar celik huruf dan masa lapang.</p>	

Peningkatan tingkat pelaburan oleh syarikat multinasional menambahkan permintaan agregat. Kesannya pendapatan negara dan guna tenaga bertambah. Contohnya, lencongan perdagangan berikutan perang perdagangan antara AS dan China menyaksikan kenaikan jumlah pelaburan langsung asing pada suku pertama tahun 2019 yang disumbangkan oleh peningkatan pelaburan dalam sektor pembuatan melonjak 127 peratus kepada RM20.2 billion berbanding RM8.9 billion pada tahun sebelumnya. Malaysia juga menikmati peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.3 peratus hasil daripada lencongan perdagangan.

Dengan andaian jumlah penduduk dan kadar inflasi yang rendah, peningkatan KDNK akan menyebabkan KDNK benar bertambah. Hal ini kerana kuasa beli masyarakat telah bertambah dan lebih banyak barang boleh dinikmati oleh masyarakat.

Dari aspek isi rumah, peningkatan langsung asing mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dengan pendapatan yang diperolehi, individu berasa seronok kerana mampu membeli barang dan perkhidmatan untuk menyara keluarga. Contohnya dengan tambahan pendapatan sebanyak RM2000, individu dapat mengguakan untuk membayar sewa rumah, makanan dan perubatan.

Dari aspek kerajaan, kerajaan memperoleh hasil cukai seperti cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu. Kerajaan mampu menambah perbelanjaan kerajaan ke atas Pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Disamping itu juga, kerajaan mampu memberi bantuan sosial seperti bantuan sara hidup dan subsidi kepada golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan.

Sebaliknya, pelaburan langsung asing juga menjejaskan taraf hidup terutama kualitatif. Peningkatan tahap pengeluaran dalam sektor pembuatan menyebabkan penggunaan bahan api fosil seperti arang batu dan petroleum bertambah. Keadaan ini menyebabkan masalah pencemaran seperti pelepasan gas rumah hijau. Ekstenaliti negatif tersebut akan menjejaskan kesihatan penduduk sekitar. Tambahan pula, jika peningkatan KDNK melibatkan masa bekerja yang Panjang dan mengurangkan masa lapang akan menjejaskan taraf hidup.

Eksplotasi sumber alam oleh syarikat multinasional akan memusnakan alam sekitar dan sumber semulajadi akan pupus menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak mampan. Pelaburan langsung asing penting untuk meningkatkan taraf hidup. Namun begitu wujud kos sosial yang dikaitkan terutama aspek kualiti hidup. Kerajaan perlu mengawal selia operasi syarikat multinasional dari semasa ke semasa untuk menjaga kesejahteraan rakyat.